

*Tarikh Dibaca: 04 Disember 2015*

# **KHUTBAH JUMAAT**

*Tajuk:*

**“RAJA; KETUA AGAMA ISLAM NEGERI”**

\*\*\*

*Terbitan:*  
*Unit Khutbah*  
*Bahagian Pengurusan Masjid*  
**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**



## SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2012-2015

1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)  
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsal (Timbalan Pengerusi)  
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
3. SS. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)  
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)
6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)
7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)
8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)
9. Tuan Haji Abdul Halim Hapiz Bin Salihin (Ahli)
10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)  
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- II. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)  
Majlis Agama Islam Selangor
12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)  
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS



## "RAJA; KETUA AGAMA ISLAM NEGERI"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ  
وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ مِنْكُمْ ...  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَآءِيَّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أُوْصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
الَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِلِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita berusaha memperkuatkan iman dan meningkatkan takwa terhadap Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan



menjauhi larangan-Nya. Bertakwa kepada Allah SWT merupakan kunci utama ke arah mencapai kejayaan hidup di dunia dan di akhirat.

Sempena Hari Keputeraan DYMM Sultan Selangor ke-70, maka khutbah pada hari ini bertajuk "**RAJA; KETUA AGAMA ISLAM NEGERI**".

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Sesungguhnya institusi Raja telah memainkan peranan yang sangat penting di tanah air kita. Menurut sejarah, sejak bertapaknya Islam di Nusantara, peranan yang dimainkan oleh sultan amat besar sekali. Baginda bukan sahaja bertindak sebagai pelindung kepada rakyat, malah memainkan peranan dalam penyebaran agama Islam ke wilayah-wilayah di seluruh Nusantara.

Sesungguhnya, kehebatan para sultan atau pemerintah dari kerajaan Islam terdahulu, amat mengagumkan. Terdapat di kalangan sultan-sultan di Nusantara memiliki kehebatan dari segi ketakwaan kepada Allah dan kemahiran mentadbir wilayah. Kepintaran pendakwah pula membolehkan iman menyerap ke dalam jiwa Raja-raja.

Bagaimana pendakwah mengislamkan Raja-raja dan rakyat pada zaman dahulu? Antara kaedah tersebut ialah;

1. Memulakan dakwah kepada raja-raja secara langsung sebagaimana Maulana Abdul Aziz berdakwah kepada Parameswara.
2. Seterusnya berdakwah kepada putera-putera raja dan kerabat Diraja sebagaimana pengisaman Pangeran Cakrabuana, Putera Raja Pajajaran yang beragama Hindu.



3. Selanjutnya pendakwah-pendakwah itu sendiri mendirikan sebuah kerajaan Islam yang baru sebagaimana Sultan Syariful Hashim yang mendirikan Kerajaan Sulu.

4. Kebijaksanaan ulama-ulama wali songo iaitu bagaimana kejayaan mereka menyampaikan dakwah kepada pembesar-pembesar negeri mereka.

Setelah berlakunya pengislaman para raja, maka rakyat jelata pun turut memeluk agama Islam. Sudah menjadi resam masyarakat ketika itu memiliki ketaatan yang tidak berbelah bahagi kepada Raja-raja mereka. Dengan itu, rakyat mudah di Islamkan apabila Raja telah menerima Islam.

Selepas itu, gelaran raja ditukarkan kepada sultan. Para ulama Islam telah dilantik oleh sultan menjadi penasihat dan sentiasa berdamping rapat dengan baginda. Kesan daripada itu, maka lahirnya segolongan sultan yang memiliki peribadi yang soleh dan hebat dalam mentadbir kerajaan berlandaskan syariat Islamiah.

### **Muslimin yang mulia,**

Merujuk kepada sejarah, bahawa masyarakat Islam di dunia sangat bangga dengan sejarah pemimpin-pemimpin mereka yang soleh. Jika ditanya pada orang-orang Syria tentang Sultan Nuruddin Al-Zanki, pasti mereka mengenalinya dan mengetahui sejarah sultan tersebut. Begitu juga sejarah Sultan Salahuddin Al-Ayyubi bagi orang Mesir, Sultan Muhammad Al-Fateh bagi orang Turki, seterusnya, masyarakat Islam di negara-negara lain juga amat memelihara sejarah Sultan-sultan mereka yang soleh. Namun, perkara sedemikian mungkin tidak berlaku dalam masyarakat kita. Ramai di kalangan kita kurang mengetahui bahawa terdapat Sultan-sultan yang soleh di wilayah-wilayah Nusantara ini.



Buku berjudul "**Sultan-sultan Soleh Di Nusantara**" karya Hasanuddin Yusof, telah merungkai sejarah 24 orang sultan yang soleh pernah berkuasa memerintah kerajaan-kerajaan Islam di Nusantara. Mereka telah menyumbangkan khidmat yang tidak ternilai kepada masyarakat. Sebahagian daripada mereka menjadi pemangkin bagi penyebaran dakwah Islam. Sebahagian yang lain pula, menjadi tonggak kekuatan dalam menangkis usaha dan perbuatan jahat penjajah barat.

Atas usaha dan jasa-jasa mereka yang amat bernilai inilah, akidah masyarakat Islam di Nusantara dapat dipertahankan sehingga ke hari ini walaupun wilayah ini terjajah lebih 500 tahun. Semoga dengan itu mereka akan mendapat balasan sebaik-baiknya seperti yang dijanjikan oleh Allah SWT melalui firmanya dalam surah an-Nahl ayat 97:

مَنْ عَمِلَ صَلِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ  
فَلَنُحْيِنَّهُ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا  
كَانُوا يَعْمَلُونَ

"Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalaaskan mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan".

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**



Menurut fakta sejarah, antara sultan yang terkemuka di Negeri Selangor adalah Sultan Sulaiman Shah, iaitu Sultan Selangor yang ke-5. Baginda seorang sultan yang warak dan amat mengasihi ulama. Baginda sentiasa mendapatkan pandangan dan nasihat daripada ulama dalam setiap perkara yang berkaitan dengan hal ehwal pentadbiran negeri dan penyebaran agama Islam.

Kecintaan baginda kepada ulama itu menjadi tanda kecintaan baginda kepada Nabi Muhammad SAW kerana ulama adalah pewaris Nabi-nabi. Sebagaimana hadis daripada Abi Darda' bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

*"Sesungguhnya, ulama adalah pewaris Nabi. Para Nabi tidak mewarisi dinar dan dirham, namun mereka mewariskan ilmu. Sesiapa yang mengambilnya (ilmu tersebut) bererti telah mengambil bahagian yang sempurna".*

*(Riwayat Abu Daud).*

Sultan Sulaiman Shah sangat mengambil berat terhadap pengembangan ajaran Islam di Negeri Selangor. Antaranya baginda telah membina dua buah masjid, iaitu di Jugra yang dinamakan Masjid Sultan Alaeddin dan sebuah lagi di Kelang iaitu Masjid Sultan Sulaiman untuk memberi keselesaan bagi umat Islam menunaikan solat.

Sultan Sulaiman Shah juga sering menyampaikan khutbah Jumaat, khutbah solat Idulfitr dan Idiladha di masjid-masjid di Negeri Selangor terutamanya di Masjid Diraja Sultan Alaeddin. Kerana minat yang mendalam terhadap ilmu-ilmu Islam, baginda sempat menulis beberapa buah kitab agama.



Bagi memantapkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah, baginda mengarang kitab yang masyhur antaranya bertajuk "**Pohon Agama Bahagian Rukun Iman**" dan Kitab tauhid yang berjudul "**Melati Kanak-kanak Lelaki dan Perempuan Agama Islam**". Kitab ini pernah dijadikan buku teks disekolah-sekolah agama di negeri Selangor. Sultan Sulaiman Shah juga telah mengarang beberapa buah puisi agama yang menarik dan dapat dijadikan panduan dan pengajaran kepada rakyat baginda.

Tulisan-tulisan tersebut membuktikan bahawa baginda adalah seorang sultan yang menguasai ilmu pengetahuan agama yang tinggi. Baginda mangkat pada 31 Mei 1938 pada usia 72 tahun dan telah memerintah Negeri Selangor selama 40 tahun. Kemangkatan baginda yang berjiwa rakyat ini ditangisi oleh segenap lapisan rakyat Selangor ketika itu.

### **Hadirin Jumaat sekalian,**

Sesungguhnya sumbangan Raja-raja Melayu kepada agama, bangsa dan tanah air amat mengagumkan seluruh rakyat jelata. Mereka menganggap bahawa pangkat yang disandang bukanlah satu kemegahan dan kebanggaan, tetapi ia adalah satu amanah dan tanggungjawab besar lagi mencabar. Semakin tinggi kepimpinan yang disandang, semakin banyaklah tanggungjawab yang mesti dipikul.

Allah SWT menyeru umat Islam supaya mentaati pemimpin kerana pemimpin memikul bebanan yang amat berat untuk memastikan kesejahteraan masyarakat dan negara. Lebih-lebih lagi mempertahankan agama Islam yang Suci.



Oleh itu, kita sebagai rakyat sewajarnya mentaati sultan-sultan dan menghargai sumbangan serta menjunjung kasih atas pengorbanan mereka. Sebagaimana Allah SWT berfirman dalam surah an-Nisa', ayat 59 :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمْنَوْا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ  
وَأُولَئِكَ الَّذِينَ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَّعُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ  
وَالرَّسُولِ إِن كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ  
وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا



"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya - jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya".

Sebagai rakyat yang berpegang kepada aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, kita hendaklah mentaati apa jua titah-titah sultan yang baik dan tidak bercanggah dengan hukum-hukum syarak.

**Hadirin Jumaat sekalian,**

Alhamdulillah, hari ini kita bersyukur kehadrat Allah SWT kerana Raja kita, D.Y.M.M. Sultan Idris Shah Ibni Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj, Sultan Selangor Darul Ehsan, adalah seorang raja yang



berjiwa rakyat. Baginda sentiasa mengambil berat tentang kemajuan dan kesejahteraan rakyat. Baginda tidak jemu bertitah menyeru rakyat supaya bersatu, mengelakkan sebarang persengketaan dan perbalahan serta fitnah memfitnah, supaya Negeri Selangor berada dalam keadaan aman dan tenteram. Di samping itu, baginda juga sering menitahkan supaya rakyat menolak pelbagai ajaran dan fahaman sesat yang bercanggah dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Di bawah naungan baginda sebagai Ketua Agama, syiar Islam tambah bersinar, kesedaran rakyat terhadap ajaran agama amatlah dibanggakan. Contohnya, jumlah kutipan zakat telah bertambah dari tahun ke setahun. Demikian juga kesedaran berwakaf termasuk wakaf tunai disambut baik oleh rakyat. Masjid-masjid dan surau dibina begitu indah, sekolah-sekolah agama mendapat sambutan yang menggalakkan sama ada di peringkat rendah mahupun menengah.

Oleh itu, sewajarnya kita menyambut baik setiap saranan Duli Yang Maha Mulia sultan yang menyeru kepada mempererat persaudaraan dan memperkuuh perpaduan serta mengelak perpecahan. Bahkan, masjid hendaklah dijadikan tempat beribadat, bukan tempat mendatangkan masalah atau perbalahan sesama umat Islam.

Hubungan mesra antara institusi Raja dengan rakyat yang sedia terjalin, hendaklah dipelihara dan dipertahankan daripada sebarang cabaran dan fitnah, supaya syiar Islam terus maju berkembang pesat, maruah umat Islam terbela, terpelihara dan negeri berada dalam aman dan makmur.

**Sidang Jumaat yang berbahagia,**



Mengakhiri khutbah ini, marilah kita mempertingkatkan amal soleh ke arah yang diredai Allah SWT dengan menitikberatkan perkara-perkara berikut;

1. Kita hendaklah sentiasa mentaati perintah Allah dan Rasul-Nya. Seterusnya mentaati sultan dan para pemimpin yang adil dalam melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah.
2. Kita hendaklah mensyukuri nikmat Allah yang kita kecapi sekarang dengan meningkatkan ketaqwaan dan amal soleh.
3. Umat Islam hendaklah berusaha memupuk sikap baik sangka terhadap orang lain dan mengikis sikap buruk sangka dan fitnah memfitnah.
4. Setiap rakyat negeri ini hendaklah berganding bahu mempertahankan institusi Raja yang sifatnya sebagai Ketua Agama, supaya dengan izin Allah, agama Islam dapat dipertahankan dan maruah orang Islam sentiasa terpelihara dan terbelia.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
قُلْ اللَّهُمَّ مَلِكَ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ  
الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذْلِّ مَنْ تَشَاءُ  
بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

"Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkau lah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkau lah yang mencabut kuasa



pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”.

(Surah ali-Imran : 26).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَكُمْ بِأُقْرَآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjelaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama Islam. Sebaliknya seluruh umat Islam amatlah dituntut agar menampilkkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَئِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا  
الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَةً عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاء مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.  
الَّهُمَّ إِنَا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَيْكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى  
أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةَ، حَلَّةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلطَانِ



سَلَّٰعُور، سُلْطَانٌ شَرَفُ الدِّينِ ادريس شاه  
ال حاج ابن المرحوم سُلْطَانٌ صَلَاحُ الدِّينِ عبد  
العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَّٰعُور، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ  
الدِّينِ ادريس شاه الحاج فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَّا حُسْنٌ وَإِيتَاءٌ ذِي



الْقُرَبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.